

**HUBUNGAN KESEDIAAN BELAJAR DAN MOTIVASI
DENGAN GAYA PEMBELAJARAN MURID SEKOLAH
RENDAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

KHAIRUL NISAH BINTI BUJANG

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT BAGI PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN**

(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2014



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan kesediaan belajar dan motivasi dengan gaya pembelajaran murid sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Labuan. Sebanyak 17 buah sekolah rendah dengan jumlah responden adalah sebanyak 274 orang murid. Hubungan kesediaan belajar dan motivasi dengan gaya pembelajaran murid diukur dengan menggunakan soal selidik yang diubahsuai daripada Instrumen oleh Selmes .I.P dalam jurnal beliau yang bertajuk "*Improving study skills: Changing perspective in education*". Dapatan daripada kajian rintis menunjukkan pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach ialah 0.682. sebanyak 35 orang responden telah dipilih untuk menjayakan kajian rintis ini dan semua borang soal selidik yang lengkap telah dipulangkan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian "*Statistical Package For Social Sciences*" (SPSS) versi 21.0 .Dapatan kajian menunjukkan hubungan kesedian belajar dengan gaya pembelajaran menunjukan satu hubungan yang signifikan dengan $r = .699$ tetapi sederhana. Manakala hubungan motivasi dengan gaya pembelajaran menunjukkan hubungan positif yang lemah tetapi signifikan dengan $r = .544$. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa gaya pembelajaran murid tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan jantina, tempat tinggal dan bangsa murid. Cadangan yang relevan berdasarkan dapatan kajian dikemukakan.

